



PEJABAT KETUA MENTERI SARAWAK
OFFICE OF THE CHIEF MINISTER SARAWAK

KENYATAAN MEDIA
YANG AMAT BERHORMAT KETUA MENTERI SARAWAK
MENGENAI PROKLAMASI DARURAT NEGERI SARAWAK

Merujuk kepada Proklamasi Darurat yang diisytiharkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kami menjunjung kasih terhadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan memberikan sokongan penuh ke atas Proklamasi Darurat dan juga Ordinan Darurat bagi Negeri Sarawak yang akan berkuatkuasa mulai 2 Ogos 2021 sehingga 2 Februari 2022.

Bagi pihak Kerajaan Negeri Sarawak, kami yakin bahawa keputusan dan tindakan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah selaras dengan pendirian Kerajaan Negeri untuk sentiasa memberikan keutamaan kepada dua perkara, iaitu menjaga keselamatan dan kebajikan rakyat Negeri Sarawak dan juga menegakkan amalan Demokrasi berparlimen di Sarawak.

Dengan Proklamasi Darurat di Negeri Sarawak ini, maka Pilihan Raya Negeri yang perlu diadakan dalam masa tertentu bolehlah ditangguhkan sehingga satu tarikh apabila keadaan Covid-19 telah mencapai tahap dimana dengan nasihat pihak Kesihatan dan agensi berkaitan serta berdasarkan data saintifik adalah selamat untuk mengadakan pilihanraya Negeri dan tidak lagi mendatangkan mudarat kepada rakyat Sarawak.

Kami menjunjung kasih dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas kebijaksanaan YDPA di dalam memastikan Pilihanraya Negeri boleh diadakan cuma apabila keadaan pandemik di Negeri ini sudah dapat dikawal dan tidak menjejaskan keselamatan rakyat Negeri ini. Namun, bagi memastikan amalan demokarasi berparlimen di jaga, mandat daripada rakyat Sarawak perlu didapatkan semula sebaik sahaja keadaan pandemik mengizinkan.

Justeru itu, mengikut Ordinan, Darurat ini akan tamat pada 2 Februari 2022 atau boleh ditamatkan lebih awal oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong setelah menimbangkan pandangan daripada Kerajaan Negeri Sarawak.

Dengan adanya peruntukan ini, maka akan terjamin bahawa mandat daripada rakyat akan diperolehi dengan segera sebaik sahaja keadaan pandemik ini dapat dikawal dan mengizinkan. Yang penting ianya hanya akan berlaku sekiranya berdasarkan data saintifik dan nasihat profesional, keselamatan dan kesihatan rakyat Sarawak tidak akan dikompromi sebelum pilihan Raya Negeri diadakan.

Sekian, Daulat Tuanku.

**PEJABAT KETUA MENTERI SARAWAK
WISMA BAPA MALAYSIA
PETRA JAYA, KUCHING
31 JULAI 2021**